

B 8589 DEB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 5 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA JANGAN MENDENGAR KHABAR-KHABAR ANGIN TENTANG SEBARANG KEKACAUAN DAN RUSUHAN YANG KONONNYA BERLAKU SELEPAS PILIHAN RAYA AHAD LEPAS.

+TIDAK ADA SEBARANG KEKACAUAN ATAU RUSUHAN BERLAKU DAN NEGARA INI TETAP DALAM KEADAAN AMAN,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN PANDU PUTERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SEKOLAH MENENGAH PUTERI TITIWANGSA DI SINI.

TEGASNYA, KEAMANAN YANG DINIKMATI PADA MASA INI ADALAH KERANA RAKYAT NEGARA INI YANG TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM SUKA KEPADA KEAMANAN DAN PERPADUAN KAUM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BIASANYA SEMASA PILIHAN RAYA BERLANGSUNG AKAN WUJUD KETEGANGAN ANTARA PARTI-PARTI POLITIK DAN ANTARA KAUM.

+SAYA SEDAR ADA ORANG YANG MENYEBAR BERITA-BERITA ANGIN KONONNYA SELEPAS PILIHAN RAYA AKAN BERLAKU RUSUHAN KAUM DAN BERMACAM-MACAM JENIS KEKACAUAN LAGI,+ KATANYA. -- LAGI.

1946MST 05 08 86

B 8594 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

+INI SEMUA TIDAK BERLAKU. NEGARA DALAM KEADAAN AMAN,+ TEGASNYA LAGI.

PADA PILIHAN RAYA ITU BARISAN NASIONAL PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DIBERI MANDAT OLEH RAKYAT UNTUK MEMERINTAH MALAYSIA SELAMA LIMA TAHUN LAGI DENGAN MEMENANGI 148 DARIPADA 177 KERUSI PARLIMEN.

MENGENAI PILIHAN RAYA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA PARTI YANG SUKA KEPADA PERPADUAN KAUM TELAH MENDAPAT SOKONGAN BESAR DARIPADA RAKYAT.

KATANYA RAKYAT MEMBERI SOKONGAN KEPADA PARTI PEMERINTAH KERANA MEREKA SUKAKAN KEAMANAN YANG MEMBAWA KEPADA PERPADUAN, KESTABILAN EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK TANPA HALANGAN OLEH MANA-MANA PIHAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT MALAYSIA HARUS BERSYUKUR KERANA NEGARA INI TIDAK MENGHADAPI SEBARANG MASALAH SEPERTI PEPERANGAN DAN PENINDASAN KAUM SEBAGAIMANA YANG BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA LAIN KETIKA INI.

BELIAU MINGINGATKAN BAHAWA PERPADUAN DAN PERSAHABATAN ANTARA KAUM SERTA KEAMANAN NEGARA BOLEH BERKECAI DAN SEBALIKNYA BERLAKU HURU-HARA DAN RUSUHAN SEKIRANYA RAKYAT BERBILANG KAUM TIDAK PANDAI MENJAGA PERHUBUNGAN SESAMA MEREKA. -- LAGI.

2001MST 05 08 86

U 8599 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA PERSAHABATAN DAN PERPADUAN KAUM PERLU BERMULA DARI KECIL DAN DARI BANGKU SEKOLAH SUPAYA APABILA KANAK-KANAK ITU DEWASA IA BERTAMBAH ERAT.

KATANYA PENYERTAAN DALAM PERSATUAN-PERSATUAN SEPERTI PANDU PUTERI JUGA DAPAT MENJALIN PERPADUAN, PERSAHABATAN DAN KERJASAMA KAUM KERANA PERSATUAN SEUMPAMA ITU DIANGGOTAI OLEH SEMUA KAUM DAN AGAMA.

WALAUPUN RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARIPADA BERBAGAI-BAGAI KAUM DAN KETURUNAN, NAMUN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA SEMUA KAUM TIDAK DAPAT BERTOLERANSI DAN BERSAHABAT BAGI MENJAMIN MASA DEPAN NEGARA YANG LEBIH CERAH, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENYERTAAN DALAM PERSATUAN-PERSATUAN DAPAT MENGHINDAR MURID-MURID DARIPADA MEMBUANG MASA DAN TERJERUMUS KE DALAM GEJALA YANG TIDAK SIHAT.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR TELAH MENYEDIAKAN SEBIDANG TANAH DI BUKIT KIARA UNTUK DIJADIKAN KEM TETAP PANDU PUTERI BAGI MENJALANKAN KEGIATANNYA PADA MASA AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MELEPASKAN LIMA EKOR MERPATI PUTIH YANG MELAMBANGKAN LIMA PRINSIP RUKUN NEGARA DAN 1,500 BELON YANG MELAMBANGKAN PERPADUAN KAUM PADA UPACARA ITU. --- BERNAMA.

2016MST 05 08 86